

# SPRM gesa PBT lapor tawaran rasuah

Tindakan itu bagi memastikan rasuah dapat ditangani secara menyeluruh, berkesan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

## PUTRAJAYA

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu bertegas dan melaporkan sebarang tawaran rasuah diterima daripada mana-mana pihak kepada Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia (SPRM).

Menerusi kenyataannya, SPRM berkata, tindakan tersebut penting bagi memastikan kes rasuah dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan.

Bertepatan dengan tema sambutan HARA 2020 kali ini iaitu 'PBT Perangi Pemberi Rasuah, SPRM menyasarkan penglibatan 153 PBT bagi menangani rasuah bersama.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki turut menyampaikan amanat berhubung kepentingan membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Selain program *walkabout* yang dijalankan secara serentak di seluruh negara melibatkan

## HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA

PBT dan masyarakat umum, turut diadakan ialah sesi dialog antara SPRM dan PBT serta sesi menandatangani Janji Warga PBT.

"Sambutan HARA 2020 adalah selari pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2003 yang menetapkan 9 Disember setiap tahun sebagai sambutan HARA," katanya.

Di peringkat antarabangsa pula, tema yang ditetapkan oleh PBB ialah *United Against Corruption* bagaimanapun, mengambil kira situasi pandemik Covid-19, tema khusus yang diperkenalkan tahun ini ialah *Recover with Integrity*.



Azam (kanan) bersama Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya, Datuk Azizi Ahmad Tarmizi pada sambutan HARA 2020 peringkat Perbadanan Putrajaya semalam.